



HAJI AWANG ASBOL BIN HAJI MAIL

## Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, 1992-2012: Sejarah, Perumahan, dan Melayu Islam Beraja

**ABSTRAKSI:** Makalah ini, dengan mengguna-pakai kaedah sejarah dan pendekatan kualitatif, cuba memperkatakan sejarah dan tujuan penubuhan YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah) di negara Brunei Darussalam. Dalam tempoh 1992 hingga 2012, berbagai sumbangan telah dihulurkan oleh YSHHB kepada pihak-pihak berkenaan. Namun, makalah ini cuba menumpukan kajiannya ke atas skim bantuan perumahan yang disediakan oleh YSHHB dalam bentuk perkampungan di Kampung Bolkiah dan bersendirian. Bantuan perumahan ini adalah sebagai keprihatinan dan sumbangan peribadi KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) terhadap kebajikan rakyatnya, terutama golongan yang kurang bernasib baik, daif, kurang berkemampuan, dan ditimpa bencana. Sumbangan ini memang bertepatan dengan ajaran agama Islam; dan Islam adalah agama yang menitikberatkan dan menjaga hal ehwal kebajikan umat. Oleh itu, langkah menyediakan bantuan perumahan memang mempunyai hubungan dengan Konsep MIB (Melayu Islam Beraja) di negara Brunei Darussalam. Dari segi Raja boleh dilihat apabila KDYMM sendiri sebagai Ketua Negara Brunei Darussalam, yang sentiasa mengambil berat dan menjaga kebajikan rakyat. Dalam masa yang sama, baginda adalah seorang yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Manakala itu, yang dibantu adalah rakyat baginda yang terdiri daripada orang-orang Islam dan kebanyakannya berbangsa Melayu. Dengan bantuan ini boleh mengeratkan perpaduan antara raja dan rakyat yang dapat melahirkan suasana yang lebih harmoni dan aman kepada raja, agama, bangsa, dan negara.

**KATA KUNCI:** Yayasan; Sejarah; Bantuan Perumahan; Melayu Islam Beraja; Negara Brunei Darussalam.

**ABSTRACT:** "Sultan Haji Hassanal Bolkiah Foundation, 1992-2012: History, Housing, and Islamic Malay Monarchy". This paper, using historical methods and qualitative approaches, tries to talk on the history and purpose of setting up the YSHHB (Sultan Haji Hassanal Bolkiah Foundation) in Brunei Darussalam. During the period 1992 to 2012, various contributions were handed out by YSHHB to the parties. However, this paper attempts to focus its research on housing assistance schemes provided by YSHHB in the form of villages in Bolkiah Kampong and alone. This housing assistance is a concern and personal contribution of KDYMM (His Majesty) to the welfare of his people, especially the less fortunate, the poor, the less competence, and the disaster. This donation is in line with the teachings of Islam; and Islam is a religion that emphasizes and safeguards the welfare of its people. Therefore, the provision of housing assistance has had a relationship with the MIB (Malay Islamic Monarchy) concept in Brunei Darussalam. In terms of the King can be seen when KDYMM himself as the Head of Brunei Darussalam, who always cares and protect for the welfare of his people. At the same time, he was a Malay and Muslim. Meanwhile, the help of his people is made up of Muslims and mostly Malays. With this help can strengthen the unity of the king and the people who can create a more harmonious and peaceful atmosphere to the king, religion, nation, and state.

**KEY WORD:** Foundation; History; Housing Assistance; Islamic Malay Monarchy; Brunei Darussalam.

**About the Author:** Prof. Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Sejarah dan Antarabangsa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD (Universiti Brunei Darussalam) di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi dengan alamat emel: [asbolm@ubd.edu.bn](mailto:asbolm@ubd.edu.bn)

**Suggested Citation:** Haji Mail, Haji Awang Asbol bin. (2018). "Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, 1992-2012: Sejarah, Perumahan, dan Melayu Islam Beraja" in *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Volume 3(2), August, pp.125-144. Bandung, West Java, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI with ISSN 2443-1776 (print).

**Article Timeline:** Accepted (May 20, 2018); Revised (July 3, 2018); and Published (August 31, 2018).

## PENDAHULUAN

Dasar-dasar memelihara kebajikan rakyat dalam pemerintahan kesultanan Melayu Brunei bukanlah sesuatu yang baru, malahan ia telah wujud sejak zaman tradisional lagi. Peranannya terbeban di atas bahu Pengiran Temenggong, salah seorang pegawai kanan Sultan yang bertaraf Wazir. Selain memikul tanggungjawab dalam mentadbir dan mengawal kebajikan rakyat, terutama yang kurang bernasib baik, beliau juga berperanan menjaga keselamatan negara, terutama di kawasan laut. Sebab itu, beliau juga dikenali sebagai “Raja Laut”. Pengiran Temenggong juga mempunyai bidang kuasa dalam pentadbiran Islam. Dalam bidang ini, beliau dibantu oleh Menteri-menteri Agama, yang terdiri dari Datuk Imam, Siraja Khatib, Udana Khatib, Segala Khatib, dan Mudim (Don, 1990:7; Othman, Abdullah & Hakip, 1995:30; Mail, 2008; dan Noor, 2008:120-123).

Dasar-dasar menjaga kebajikan rakyat lazimnya ditumpukan ke atas golongan yang kurang berkemampuan, yang terdiri dari orang-orang miskin, anak-anak yatim, dan orang-orang yang ditimpa musibah. Golongan miskin dikategorikan sebagai kelompok yang tidak berkemampuan untuk menampung keperluan kehidupan harian mereka, lantaran pendapatan yang tidak mencukupi atau tidak mempunyai pekerjaan. Menurut pandangan Islam, golongan seperti ini dibahagikan kepada dua, iaitu: *pertama*, golongan fakir, yang bererti orang yang sengaja menanggung kekurangan supaya memperoleh kesempurnaan batin; dan *kedua*, golongan miskin, yang bererti tidak berharta dan kekurangan dalam memenuhi keperluan hidup (Iskandar ed., 1984:298 dan 767). Dalam kategori ini, biasanya, termasuk

anak-anak yatim kerana ibu bapa mereka yang menanggung nafkah mereka telah meninggal dunia atau sudah tiada. Ini menjadikan kehidupan mereka melarat (Iskandar ed., 1984; dan Sunusi, 2013).

Pemerintah, sebagai pihak yang berkuasa, perlu mewujudkan dasar-dasar kebajikan, bukan sahaja kepada rakyat yang kurang bernasib baik, tetapi juga kepada seluruh rakyat. Hal ini biasa dilakukan oleh mana-mana pemerintah atau kerajaan. Sebagai contoh, aspek menjaga keselamatan dan keamanan negara boleh dikatakan sebagai sebahagian dari dasar-dasar kebajikan kerajaan. Begitu juga rancangan-rancangan pembangunan yang mendatangkan faedah kepada rakyat, seperti perumahan, pendidikan, kesihatan, bekalan air bersih, dan bekalan tenaga elektrik. Semua ini boleh dianggap sebagai dasar-dasar kebajikan kerajaan untuk rakyat (Duraman, 2009; dan Mail, 2015).

Dasar-dasar kebajikan yang telah diamalkan sekian lama di negara Brunei Darussalam diteruskan di zaman pemerintahan DYMM (Duli Yang Maha Mulia) Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddin III (1950-1967). Di antara dasar-dasar ini, yang paling menonjol ialah memberikan pendidikan dan kesihatan secara percuma kepada rakyat Brunei. Bagi kelompok rakyat yang kurang berkemampuan, kerajaan menyediakan elaun bulanan khusus untuk orang-orang tua, orang cacat, dan orang miskin. Dasar ini dapat mengeratkan ikatan perpaduan antara rakyat dengan baginda, dan sekaligus mewujudkan kesejahteraan dan keamanan kepada negara. Dasar ini juga menunjukkan bahawa baginda begitu prihatin terhadap kebajikan rakyat, lebih-lebih lagi kepada golongan yang kurang bernasib baik. Oleh itu, pemerintahan baginda sentiasa

mendapat sokongan dan dokongan rakyat. Dasar kebajikan pemerintahan baginda itu juga selari dengan cogan kata panji-panji bendera negara Brunei Darussalam, iaitu “*Sentiasa membuat kebajikan dengan petunjuk Allah*” (Abdullah, 1993:41; dan Duraman, 2009:35).

Artikel ini, dengan mengguna-pakai kaedah sejarah dan pendekatan kualitatif (Tosh, 2000; Noor, 2002; Hassan, 2004; Sjamsuddin, 2007; dan Nordin, 2015), cuba menghurai dan menganalisis dasar-dasar kebajikan yang telah diamalkan sekian lama di negara Brunei Darussalam. Tumpuan akan diberikan kepada sejarah dan tujuan penubuhan YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah), yang dalam tempoh 1992 hingga 2012, berbagai sumbangan telah dihulurkan oleh yayasan berkenaan kepada pihak-pihak yang memerlukan. Artikel ini, dengan demikian, akan memperkatakan: (1) *Ke Arah Penubuhan YSHHB*; (2) *Skim Bantuan Perumahan dari YSHHB, sama ada Bantuan Perumahan dalam Bentuk Perkampungan dan Rumah Bantuan Saudara Baru mahupun Perumahan Orang Kurang Berkemampuan*; serta (3) *Hubungannya dengan MIB atau Melayu Islam Beraja*.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### *Ke Arah Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.*

Dasar-dasar kebajikan bagi golongan rakyat yang kurang bernasib baik ini berkesinambungan di era pemerintahan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang menaiki takhta kerajaan pada tahun 1967 Masihi.

Selain peranan agensi-agensi kerajaan, seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Agama Islam dalam menangani keperluan golongan rakyat yang kurang berkemampuan, baginda secara peribadi telah berkenan menubuhkan YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah), dengan salah satu matlamatnya membantu golongan tersebut di atas (Roberts & Onn, 2009; Kaseh, 2013; dan Kamis & Subramaniam, 2016).

Institusi YSHHB ini diwujudkan dan diuruskan oleh satu badan khas bagi melaksanakan rancangan-rancangan kebajikan, sosial, pendidikan, penyelidikan, atau pembangunan masyarakat. YSHHB bukanlah sebuah agensi kerajaan, tetapi ia adalah badan bukan kerajaan yang dinaungi oleh KDYMM Sultan Haji Hassanal Bolkiah (DBP Brunei, 2003:3041-3042; dan Ismail *et al.* eds., 2015). Sebenarnya, sebelum ini, baginda memang sudah banyak menghulurkan derma peribadi, seperti mengurniakan tambang peribadi bagi menunaikan fardhu Haji, membina masjid, dan mengadakan majlis korban. Oleh itu, baginda memang seorang raja yang dermawan (Ghofur, 2015; dan Ismail *et al.* eds., 2015).

Cadangan mewujudkan YSHHB mula ditimbulkan oleh Jawatankuasa Sempena Sambutan Jubli Perak Pemerintahan KDYMM Sultan Haji Hassanal Bolkiah ke-25 pada tahun 1991. Cadangan ini diperkenankan oleh KDYMM; dan “Jawatankuasa Menggubal Perlembagaan Yayasan” telah ditubuhkan bagi melaksanakan hasrat murni baginda dalam menubuhkan sebuah yayasan. Pada 15 September 1992, baginda telah memperkenankan perlembagaan yayasan yang sudah siap digubal (Bakar, 1996; dan

Durahman, 2009). Dengan itu, pada 5 Oktober 1992, YSHHB secara rasminya telah dibentuk, sebagaimana titah baginda berikut:

*Sepertimana yang dihasratkan, bahawa Sambutan Jubli Perak Beta ini, di samping untuk mengenang sejarah pemerintahan Beta selama 25 tahun, juga tujuan yang lain, ialah untuk menzahirkan kesyukuran kita terhadap Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat-Nya mengizinkan pemerintahan ini berjalan dengan baik dan teratur.*

*Memandangkan ini, Beta rasa adalah wajar bagi Beta untuk berbuat sesuatu, yang boleh menjadi tanda atau lambang kesyukuran itu, yang nanti dapat dinikmati faedahnya oleh rakyat dan penduduk. Maka di saat yang amat berbahagia ini, Beta dengan sukacita mengumumkan penubuhan sebuah yayasan yang akan menjadi ristaan kekal zaman pemerintahan Beta.*

*Yayasan ini akan berfungsi menurut dasar-dasar atau tujuan-tujuan yang telah ditetapkan, iaitu sebagai Amal Jariah ataupun Derma Khairat Beta dan Ahli Keluarga Beta. Ianya akan boleh menghidupkan derma bagi faedah-faedah keugamaan, kebajikan, pendidikan, dan lain-lain seumpamanya. Yayasan ini akan dipanggil dengan nama Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah.<sup>1</sup>*

Sebagai jentera penggerak kepada YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah) yang baru ditubuhkan ini, KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) telah berkenan melantik Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah. Hal-hal lantikan telah termaktub dalam peraturan Perintah Darurat YSHHB 1992, ceraihan 7(1), iaitu hendaklah ada sebuah Jemaah Tadbir yang bertanggungjawab untuk mengawasi perjalanan YSHHB. Jemaah Tadbir juga berperanan bagi memastikan supaya penyelewengan tidak dilakukan dari segi pengendalian dan perjalanan urusan, agar ia menepati dasar dan tujuan penubuhannya (Bakar, 1996; Durahman,

2009; dan Kaseh, 2016).

Menurut bab 7(3) pula, ahli-ahli Jemaah Tadbir yang dilantik hendaklah memegang jawatan bagi satu tempoh yang tidak melebihi dari empat tahun, dan mereka layak untuk dilantik semula. Manakala Lembaga Pengarah pula bertugas sebagai badan pelaksana dasar dan pentadbiran am YSHHB. Menurut bab 4(4), Lembaga Pengarah yang dilantik hendaklah memegang jawatan bagi satu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan boleh untuk dilantik semula (YSHHB, t.th.a:15 dan 38).

Oleh yang demikian, Jemaah Tadbir pertama yang dilantik itu merupakan lantikan bagi tempoh 5 Oktober 1992 hingga 4 Oktober 1995, iaitu selama tiga tahun. Jemaah Tadbir ini dipengerusikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrain bin Pengiran Haji Abas. Timbalan Pengerusinya ialah Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin, serta dibantu oleh beberapa orang ahli. Manakala bagi Lembaga Pengarah dalam tempoh tersebut dipengerusikan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd Taha (YSHHB, t.th.a:15-16; Bakar, 1996; Durahman, 2009).

Sementara itu, Timbalan Pengerusi dipegang oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar. Pengarah Urusan pula disandang oleh Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, yang

<sup>1</sup>Sila tengok "20<sup>th</sup> Anniversary: Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah" dalam *The Brunei Times*. Bandar Seri Begawan: 5 Oktober 2012, ms.8.

dibantu oleh beberapa orang ahli yang lain. Jelaslah bahawa ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah ini terdiri dari Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan juga kerabat Diraja (Bakar, 1996; YSHHB, 1996; dan Durahman, 2009).

Dalam struktur organisasi YSHHB, selain Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab dalam mengawasi perjalanan yayasan, terdapat lagi 10 bahagian kecil yang berperanan dalam pengurusan dan pentadbiran yayasan. Pembahagian ini dibuat semata-mata untuk melicinkan urusan dan pentadbiran supaya tidak berlaku pertindihan dan kecelaruan tugas antara satu bahagian dengan bahagian yang lain. Bahagian-bahagian itu ialah: Bahagian Pengurusan, Ugama, Kebajikan, Pendidikan, Hartanah, Perkembangan Tenaga Manusia, Kewangan, Teknologi Maklumat, Perhubungan Awam, dan Tugas-tugas Khas.<sup>2</sup> Dalam melaksanakan jentera pentadbirannya, YSHHB mempunyai misi untuk memberikan perkhidmatan dan menjalankan urusan dengan cekap, berkesan, dan penuh dedikasi kepada semua pihak dalam menguruskan amal jariah KDYMM. Ia akan dilakukan secara profesional dan bantuan yang dihulurkan menepati sasaran (Bakar, 1996; YSHHB, 1996; dan Durahman, 2009).

Berdasarkan akta penggal 166 bahawa penubuhan YSHHB mempunyai lima tujuan utama, yang berkaitan dengan hal-hal: keugamaan, kebajikan, pendidikan, pembangunan, dan kewangan. Dari segi ugama, pihak YSHHB akan berusaha menghulurkan bantuan kewangan atau

basiswa pendidikan ugama kepada warga negara Brunei yang memenuhi syarat dan berkelayakan. Bantuan kewangan juga boleh diberikan kepada orang perseorangan, pertubuhan, atau badan bukan kerajaan yang menjalankan gerakan dakwah atau bergiat pada meningkatkan syiar Islam serta mendatangkan faedah kepada negara Brunei Darussalam. Aktiviti itu seperti pembinaan, pengurusan, dan pemeliharaan sekolah-sekolah ugama, masjid-masjid, surau-surau, dan balai ibadat bagi memajukan dan mengembangkan *tarbiyah* (didikan dan asuhan), dakwah, dan syiar Islam. Dengan matlamat ini, ternyata dasar-dasar kebajikan yang dilaksanakan oleh YSHHB tidak hanya tertumpu kepada golongan yang kurang bernasib baik, tetapi juga kepada mereka yang memerlukan dalam menganjurkan kegiatan-kegiatan yang berfaedah kepada masyarakat dan negara, terutama yang berkaitan dengan aktiviti meningkatkan syiar Islam (Bakar, 1996; Durahman, 2009; dan *ibidem* dengan nota kaki 2).

Dari sudut kebajikan pula, YSHHB melaksanakan melalui skim bantuan kepada kelompok yang kurang bernasib baik, seperti orang miskin, cacat, dan mangsa-mangsa ditimpa musibah. Skim bantuan ini diberikan agar kualiti dan kesejahteraan hidup mereka dapat diperbaiki dan dipertingkatkan. Termasuk dalam kategori ini ialah pesakit yang tidak berkelayakan di bawah skim bantuan kerajaan (YSHHB, 1996; Durahman, 2009; dan *ibidem* dengan nota kaki 2). YSHHB memikirkan mereka ini perlu dibantu, kerana untuk mendapatkan perubatan di luar negeri memerlukan perbelanjaan yang besar. Sebagai contoh, untuk pembedahan jantung di Singapura

<sup>2</sup>Lihat <http://www.vshhb.org.bn/berita/berita82.html> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10 Disember 2017].

memerlukan perbelanjaan di sekitar \$30,000.00 (tiga puluh ribu Ringgit Brunei) hingga \$40,000.00 Ringgit Brunei. Jumlah kewangan sebesar itu tidak mungkin dapat ditanggung oleh kebanyakan pesakit di negara Brunei Darussalam (Bakar, 1996; YSHHB, 1996; dan Durahman, 2009).

Dalam hal kebajikan ini juga, YSHHB sentiasa berusaha mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan di kalangan para belia serta badan-badan sukarela dalam pembangunan dan perkembangan masyarakat. Salah satu cara adalah dengan membantu mendapatkan berbagai kemahiran di kalangan belia-belia menerusi latihan-latihan dan kursus-kursus. Sementara itu, dalam menanam dan memupuk semangat kecemerlangan dalam bidang sosio-budaya di kalangan rakyat, YSHHB juga memberikan sumbangan. Umpamanya, dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti seminar sastera, sejarah, dan budaya. Ini termasuklah juga mengadakan peraduan dalam kegiatan-kegiatan tersebut (Bakar, 1996; Durahman, 2009; dan *ibidem* dengan nota kaki 2).

Dari segi pendidikan pula, YSHHB memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan cemerlang dalam peperiksaan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Ia boleh dikatakan satu sumbangan besar yang pernah dihulurkan oleh sebuah badan bukan kerajaan. Dalam bidang ini, YSHHB menghulurkan bantuan kepada pelajar-pelajar yang difikirkan memerlukan. Mereka akan diberikan bantuan setelah memenuhi beberapa syarat-syarat yang telah ditetapkan. Syarat-syarat ini penting agar tidak berlaku penyelewengan, di mana akan

berlaku pemberian bantuan kepada orang-orang yang tidak sepatutnya menerima, manakala itu orang yang layak dan berhak tidak pula memperolehnya. Bantuan-bantuan dalam hal ini seperti: membiayai yuran sekolah, buku, peralatan projek, pakaian seragam sekolah, kenderaan, yuran peperiksaan, dan elaun tunjangan. YSHHB juga bersedia membantu dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana IPT (Institusi Pengajian Tinggi). Kegiatan ini dianggap sebagai sebahagian daripada bidang pendidikan yang boleh menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan negara, baik dalam saintifik, teknologi, mahupun kemasyarakatan di negara Brunei Darussalam (Bakar, 1996; Durahman, 2009; dan *ibidem* dengan nota kaki 2).

Pembentukan YSHHB juga bertujuan untuk memainkan peranan dan bergiat dalam pembangunan, selain yang dijalankan oleh kerajaan. Antara pembangunan yang dilaksanakan ialah projek pembinaan Kompleks YSHHB; Pejabat YSHHB di Jalan Kumbang Pasang; serta Sekolah YSHHB yang mengandungi kelas Taman Asuhan, kelas pendidikan rendah, hinggalah ke peringkat menengah (Bakar, 1996; YSHHB, 1996:15; dan Durahman, 2009).

Sementara itu dari segi kewangan, YSHHB akan mengambil bahagian dalam apa jua aktiviti ekonomi, seperti perusahaan, perdagangan, dan pelaburan. Hal ini termasuklah membeli, menjamin, atau sebaliknya mendapatkan sebarang stok dan saham. YSHHB juga boleh menubuhkan, samada sebuah syarikat mahupun perbadanan untuk mengendalikan atau menguruskan sebarang projek, skim, atau perusahaan dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, makalah ini hanya akan menumpukan

kajian dan perbincangan terhadap skim bantuan perumahan kepada golongan yang memerlukan dan hubungannya dengan konsep MIB (Melayu Islam Beraja) di negara Brunei Darussalam.

**Skim Bantuan Perumahan.** Skim bantuan perumahan merupakan salah satu projek terbesar yang pernah dilaksanakan oleh YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah) sebagai sebuah badan bukan kerajaan. Hal-hal perumahan begitu dititikberatkan, kerana tempat tinggal atau rumah merupakan asas penting dalam hierarki keperluan kehidupan rakyat. Ia tempat berteduh dari hujan dan panas, tempat berehat, dan berhimpun dengan keluarga. Menyedari akan hakikat ini, pihak YSHHB telah menyediakan dua projek perumahan, iaitu bagi mangsa kebakaran dan projek bantuan perumahan kepada mereka yang kurang berkemampuan atau keadaan rumah mereka yang sudah tidak selamat untuk didiami. Bantuan ini juga diberikan kepada mangsa-mangsa yang mengalami kerosakan tempat tinggal akibat bencana alam. Skim bantuan perumahan yayasan ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu dibina dalam bentuk perkampungan. Satu bentuk lagi secara persendirian atau berasingan. Sebenarnya bantuan perumahan ini tidak hanya terbatas di dalam negeri, malahan ia pernah diberikan di luar negara. Contohnya di Aceh, Indonesia, apabila negeri ini dilanda bencana Tsunami pada tahun 2004 Masihi.<sup>3</sup>

**Pertama, Bantuan Perumahan dalam Bentuk Perkampungan.** Idea mengadakan skim bantuan perumahan

ini muncul setelah berlakunya kebakaran besar di Kampong Ayer pada bulan September 1993. Peristiwa malang ini telah menimpa tiga buah kampung, iaitu Kampong Peramu, Kampong Setia Pahlawan, dan Kampong Saba Darat B. Akibat tragedi luar jangkaan ini, sebanyak 108 buah rumah telah musnah yang membabitkan 183 buah keluarga. Ia telah melibatkan seramai 1,083 orang penduduk telah kehilangan tempat tinggal (YSHHB, t.th.a:19; dan Omarali, 2011:101-103).<sup>4</sup> Bantuan ini juga kemudiannya diberikan kepada penduduk Kampong Ayer yang lain, yang juga ditimpa bencana yang sama. Contohnya, Kampung Ujung Kelinik, Kampung Setia "A" dan "B", Kampung Sungai Kebun, Kampung Sungai Pandan, Kampung Petagian, dan Kampung Sungai Matan (YSHHB, t.th.a; Durahman, 2009; dan Omarali, 2011).

Dengan yang demikian, YSHHB memikirkan untuk menyediakan tempat tinggal kepada penduduk yang terlibat dalam musibah kebakaran tersebut. Di bawah Skim Bantuan Perumahan, YSHHB telah membina rumah lebih teratur di Kampong Ayer, dengan membuka kawasan baru di kawasan Kampong Buang Sakar dan Kampong Berambang. Di kawasan Kampong Buang Sakar, pihak YSHHB telah membina rumah yang kemudian dikenali sebagai Kampung Bolkiah "A". Manakala itu Kampung Bolkiah "B" ditempatkan di kawasan Kampong Berambang (YSHHB, t.th.a; Durahman, 2009; dan Omarali, 2011).

Sebelum pembinaan rumah di Kampung Bolkiah "A", terdapat 34 buah rumah kepunyaan penduduk asal di Kampong Buang Sakar. Oleh

<sup>3</sup>Lihat pula, contohnya, "Sultan Brunei Kunjungi Aceh" dalam *Detik News*. Medan: 1 Februari 2005. Wujud secara online pula di: <https://news.detik.com/berita/282972/sultan-brunei-kunjungi-aceh> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 14 Disember 2017].

<sup>4</sup>Lihat juga *Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Newsletter*. Bandar Seri Begawan: Special Issue, on August 1996, ms.17.

itu, Pengarah Urusan YSHHB telah mengadakan perbincangan dan rundingan dengan penduduk-penduduk tersebut bagi sama-sama menjayakan projek ini. Hasil daripada perundingan ini, penduduk Kampong Buang Sakar telah bersetuju untuk menyertai skim perumahan yang ditawarkan, sungguhpun pada asalnya rancangan perumahan ini disediakan untuk mangsa kebakaran. Kes Kampong Buang Sakar boleh dikatakan sebagai kes terpercil dan di luar jangkaan. Dalam pada itu, YSHHB juga bermurah hati membayar pampasan kepada pemilik-pemilik rumah yang terlibat dengan rancangan ini (YSHHB, t.th.a:31).

Selain skim bantuan perumahan, sumbangan dalam bentuk kewangan, keperluan harian, dan peralatan sekolah juga dihulurkan oleh YSHHB kepada mangsa-mangsa kebakaran di Kampong Ayer. Derma ini telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah, putera kepada KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia). Penglibatan secara langsung oleh Yang Teramat Mulia jelas bahawa KDYMM dan kerabat baginda begitu prihatin terhadap rakyat yang ditimpa musibah (YSHHB, t.th.b:3-5; Bakar, 1996:2; dan Durahman, 2009).

Pembinaan perumahan ini dilaksanakan melalui dua fasa, iaitu Fasa 1 di Kampong Bolkiah "A" dan Fasa 2 di Kampong Bolkiah "B". Bagi Kampong Bolkiah "A", ia mempunyai dua jenis rumah, iaitu rumah jenis "A" dan jenis "B". Tetapi bagi Kampong Bolkiah "B", semua rumah yang didirikan adalah jenis "B" saja.<sup>5</sup>

---

<sup>5</sup>Lihat semula, contohnya, <http://www.vshhb.org.bn/berita/berita82.html> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10 Disember 2017].

Dalam melaksanakan Skim Bantuan Perumahan, YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah) bekerjasama dengan pihak kerajaan. YSHHB bertanggungjawab mendirikan rumah, manakala kerajaan pula menyediakan prasarana. Di samping perumahan, YSHHB juga menyediakan kemudahan-kemudahan lain, seperti bengkel tenunan, cawangan pejabat YSHHB, kedai runcit, surau, masjid, pos polis, dan perpustakaan mini yang terletak di Kampong Bolkiah "A". Sementara itu, sekolah agama ditempatkan di Kampong Bolkiah "B". Kemudahan pengangkutan air juga disediakan kepada penduduk kedua-dua kampung ini. Jambatan yang menghubungkan Kampong Bolkiah "A" dan "B" juga dibina. Kemudahan ini, setentunya, dapat dirasakan oleh penduduk-penduduk kampung sebagai rahmat daripada pemimpin tertinggi negara, kerana nasib malang yang menimpa mereka mendapat perhatian dan pembelaan (YSHHB, t.th.b:2).

Sebanyak 476 buah rumah, secara tersusun dan bersistematik, dibina di Kampong Bolkiah menerusi Skim Perumahan YSHHB. Fasa 1 di Kampong Bolkiah "A", YSHHB telah berhasil menyiapkan sebanyak 226 buah rumah pada bulan Mei 1994. Dari jumlah ini, sebanyak 20 buah jenis "A" dan 206 buah jenis "B". Harga bagi setiap rumah jenis "A" ialah \$26,000.00 (dua puluh enam ribu Dollar Brunei); manakala rumah jenis "B" pula berharga \$33,000.00. Pemohon yang berjaya hanya dikenakan kadar bayaran bulanan paling minima melalui skim pinjaman khas tanpa faedah, iaitu sebanyak \$108.00 bagi jenis "A"; sementara rumah jenis "B" dikenakan bayaran sebanyak \$138.00.



**Tabel 1:**  
Perumahan Kampong Bolkiah “A” dan “B”

	<b>Kampong Bolkiah “A”</b>	<b>Kampong Bolkiah “B”</b>
<b>Perasmian</b>	<b>22 Ogos 1994</b>	<b>22 Mei 1995</b>
Jenis Rumah dan Harga	Rumah Jenis A = B\$26,000.00 Rumah Jenis B = B\$33,000.00 Rumah Jenis A: Berukuran 30' x 36' mengandungi dua buah bilik tidur, sebuah bilik tamu, dapur, dua buah tandas, dan sebuah bilik mandi. Rumah Jenis B: Berukuran 30' x 46' mengandungi empat buah bilik tidur, sebuah bilik tamu, dapur, dua buah tandas, dan sebuah bilik.	Rumah Jenis B = B\$38,800.00
Bayaran Ansuran Bulanan (selama 20 tahun tanpa faedah)	Rumah Jenis A sebanyak B\$108.00; dan Rumah Jenis B sebanyak B\$138.00	Rumah Jenis B sebanyak B\$162.00
Kemudahan-kemudahan Awam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cawangan Pejabat YSHHB</li> <li>• Masjid YSHHB</li> <li>• Pos Polis</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cawangan Pejabat YSHHB</li> <li>• Balai Ibadat &amp; Dewan Serbaguna</li> <li>• Sekolah Agama</li> <li>• Mini Perpustakaan</li> </ul>
Kemudahan-kemudahan Perekonomian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bengkel Tenunan</li> <li>• Bengkel Pembuatan Keropak</li> <li>• Kedai Runcit</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bengkel Tenunan</li> <li>• Bengkel Jahitan</li> </ul>
Jumlah Rumah Jenis A dan B	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rumah Jenis A sebanyak 20 buah</li> <li>• Rumah Jenis B 206 buah</li> </ul>	• Rumah Jenis B 250 buah terletak di Kampong Bolkiah “B”
<b>Jumlah Rumah</b>	<b>226 buah</b>	<b>250 buah</b>

*Sumber:* Dokumen YSHHB.

Pembayaran-pembayaran ini dibuat bagi tempoh 20 tahun. Bayaran seperti ini dikenakan kepada peserta semata-mata menimbang dan mengambil kira dengan keadaan pendapatan para peserta. Rata-rata dari mereka ini adalah kelompok berpendapatan rendah dari kalangan pegawai rendah awam dan swasta, nelayan, dan penambang (YSHHB, t.th.b; dan Omarali, 2011).

Dalam fasa 2 pula di Kampong Bolkiah “B”, sebanyak 250 buah rumah telah siap dibina pada tahun 1995. Perumahan Kampong Bolkiah “B” hanya membina rumah jenis “B”. Harga setiap rumah telah naik kepada \$38,800.00 dengan bayaran sebanyak \$162.00 sebulan. Harga rumah jenis “B” di Kampong Bolkiah “A” dan Kampong Bolkiah “B” adalah

berbeza, kerana beberapa pembaikan telah dibuat semasa rumah Kampong Bolkiah “B” dibina. Selain itu, ia juga sebagai menampung kos bahan binaan yang sentiasa naik dari masa ke semasa (YSHHB, t.th.b). Perincian mengenai Perumahan Kampong Bolkiah “A” dan “B” ini boleh dilihat dari tabel 1.

Perumahan Kampong Bolkiah ini juga disediakan kemudahan asas, seperti bekalan air yang bersih, elektrik, dan talian telefon. Setiap rumah dibina dengan bahan binaan kalis api; dan semua rumah dilindungi dengan insuran atau *takaful* kebakaran. Dari segi penyusunannya, setiap rumah ditentukan jaraknya 3.2 meter antara satu dengan yang lain, dengan tujuan keselamatan dari sebarang apa jua musibah, terutama kejadian

kebakaran (YSHHB, t.th.b:8; dan Omarali, 2011:100). Malapetaka seperti ini, jika ia berlaku di Kampong Ayer, akan memusnahkan rumah yang banyak. Sebab itu, parambahan masyarakat Brunei, “*baik pulang kecurian, jangan takana hangus. Pencuri hanya mengambil barang tertentu, tetapi hangus hilang segala-segalanya*” (cf Finnegan, 1977; dan Herawati *et al.* eds., 2013).

Sebagai menunjukan sokongan dan perhatian kepada Skim Bantuan Perumahan YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah), maka pada 22 Ogos 1994, KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) sendiri telah berkenan berangkat ke Majlis Penyerahan Surat Pengakuan kepada peserta-peserta yang mengikuti rancangan ini. Semasa bertitah dalam majlis ini, baginda menyeru badan-badan bukan kerajaan agar sama-sama menghulurkan sumbangan kepada rakyat yang memerlukannya, sebagaimana titah baginda,<sup>6</sup> seperti berikut:

*Inilah satu-satunya rancangan yang agak besar, yang pernah dikendalikan oleh pihak bukan kerajaan. Ini juga bermakna bahawa tanggungjawab terhadap rakyat dan penduduk itu boleh dikendalikan sama oleh pihak-pihak tertentu di luar kerajaan, yakni ianya tidaklah mesti dipikul sepenuhnya oleh kerajaan (dipetik dalam YSHHB, t.th.a:32).*

Daripada titah ini jelas bahawa baginda menyarankan kepada pihak swasta dan orang-orang yang berkemampuan dari segi ekonomi untuk tidak camah mata untuk sama-sama berganding bahu dengan kerajaan membantu golongan yang memerlukan. Dalam majlis itu sebanyak 168 buah rumah di Perumahan Kampong Bolkiah telah diserahkan kepada mangsa-

mangsa kebakaran Kampong Peramu, Kampong Setia Pahlawan, Kampong Saba Darat B, Kampong Petagian, dan Kampong Sungai Matan.<sup>7</sup>

Bagaimanapun, mulai tahun 1997, YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah) dengan kerjasama Pejabat Daerah Brunei dan Muara telah membukakan permohonan bagi menyertai rancangan perumahan ini kepada seluruh rakyat di negara Brunei Darussalam. Pemohon tidak hanya terbatas kepada penduduk Kampong Ayer yang terlibat dengan musibah kebakaran, tetapi juga kampung-kampung kawasan darat. Permohonan ini dibuka ekoran dari kebakaran yang berlaku di Kampong Kasat, Kampong Lumapas, dan Kampong Limau Manis (YSHHB, t.th.a:83).<sup>8</sup> Kampung-kampung ini terletak di kawasan darat.

**Kedua, Rumah Bantuan Saudara Baru.** Selain daripada rancangan perumahan Kampong Bolkiah pada tahun 1995 Masihi, Lembaga Pengarah Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* bagi meneliti rancangan bantuan kepada saudara-saudara baru. *Task Force* tersebut telah mengambil keputusan membina rumah untuk saudara-saudara baru dengan diperluaskan ke seluruh daerah. Ia dibina

<sup>7</sup>Pada 1 Mac 2013, kajian lapangan saya bersama pembantu penyelidik bagi meninjau sendiri keadaan Kampong Bolkiah, rumah, dan masyarakat yang tinggal di sana. Pengkaji mendapati tidak semua perumahan di sana mempunyai penghuni, malahan ada yang ditinggalkan kosong. Ini mungkin disebabkan terdapat beberapa keluarga yang tinggal di tempat lain dan menjadikan rumah di Kampong Bolkiah sebagai rumah persinggahan mereka, atau balik kampung pada hari-hari tertentu. Ada di antara mereka juga menyertai rancangan perumahan negara di kawasan darat. Selain itu, terdapat juga pemiliknya yang sudah meninggal dunia dan warisnya yang menyambung bayaran, tetapi tidak tinggal di sana.

<sup>8</sup>Lihat pula *Al-Hadaf* [majalah], Bilangan 4, Tahun 6. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, isu Oktober-Disember 2002.

<sup>6</sup>Sila tengok pula *Wadah* [majalah], Bilangan 16 [Julai-September 2006], Jilid 9, ms.16.

**Tabel 2:**  
Perangkaan Perumahan Saudara-saudara Baru

Tahun	Daerah				Jumlah Rumah
	Brunei Muara	Tutong	Belait	Temburong	
1996	0	1	2	2	5
1997	0	8	0	16	24
1998	4	4	0	6	14
1999	3	3	0	4	10
2000	0	0	0	2	2
2001	0	0	4	0	4
2002	0	0	2	0	2
2003	0	0	2	0	2
2004	1	0	1	0	2
2005	0	0	1	0	1
2006	0	0	0	0	Tidak Ada
2007	3	0	0	0	3
2008	0	3	0	0	3
2009	0	1	0	1	1
2010	0	0	0	2	2
2011	0	0	2	0	2
2012	0	2	0	0	2
<b>Jumlah</b>	<b>11</b>	<b>22</b>	<b>14</b>	<b>33</b>	<b>80</b>

*Sumber:* YSHHB (t.th.a); dan *Media Permata* (11/1/2011).

bukan dalam bentuk perkampungan, tetapi lebih bercirikan bersendirian atau berasingan. Projek pembinaan rumah-rumah bantuan ini telah bermula pada 27 April 1996 di Daerah Temburong (YSHHB, t.th.a:55).

Rumah Bantuan YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah) ini, pada mulanya, hanya dikhususkan kepada saudara-saudara baru, lebih-lebih lagi yang tinggal di pedalaman. Ia dikenali sebagai Rumah Bantuan di bawah Skim Perumahan YSHHB. Rumah Bantuan ini adalah salah satu projek YSHHB untuk menolong menaikkan taraf hidup dan menyediakan tempat kediaman yang selesa. Ia diberikan kepada penduduk yang kurang berkemampuan, khususnya di kalangan saudara baru (*The Brunei Times*, 6/3/2009; dan Omarali, 2011:105). Satu keunikan skim ini ialah rumah yang dikumiakan tidak dikenakan

sebarang bayaran. Jadi, penerimanya amat beruntung dan bertuah kerana disediakan rumah secara percuma, hasil dari buah tangan peribadi yang tulus ikhlas dari KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia). Tabel 2 adalah perangkaan perumahan saudara-saudara baru.

Berdasarkan perangkaan dalam tabel 2, jelas bahawa pihak YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah) amat menitikberatkan kebajikan dan kesejahteraan saudara-saudara baru. Hampir setiap tahun, kecuali pada tahun 2006, saudara-saudara baru yang kurang berkemampuan di keempat-empat buah daerah di negara Brunei Darussalam telah mendapat bantuan perumahan. Sumbangan paling tinggi diberikan pada tahun 1999 Masihi. Majoriti saudara-saudara baru yang dikumiakan Bantuan Perumahan ini adalah berasal dari kawasan pedalaman; dan keadaan

rumah mereka tidak selamat untuk dihuni. Daerah Temburong adalah daerah yang paling ramai menerima bantuan ini, diikuti dengan Tutong dan Belait yang penduduknya juga ramai tinggal di kawasan pedalaman berbanding dengan daerah Brunei Muara. Harga bagi setiap rumah yang disumbangkan sekitar \$31,500.00 (tiga puluh satu ribu lima ratus Dollar Brunei), yang dilengkapi dengan dua bilik tidur, satu bilik tamu, tandas, bekalan air, dan tenaga elektrik (*The Brunei Times*, 6/3/2009).

Selain itu, pada tahun 1995, YSHHB telah bersetuju untuk menyumbangkan kewangan kepada Tabung Kebajikan Dakwah dan Saudara-saudara Baru, Pusat Dakwah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ia bagi sama-sama membiayai projek-projek membaik pulih rumah, aktiviti keagamaan, dan memelihara kebajikan saudara-saudara baru. Projek tersebut bermula dengan bantuan membaiki dan menambah rumah serta-merta yang bernilai \$20,000.00 dan bantuan menyediakan kemudahan asas seperti generator, pam air, dan tangki air yang bernilai \$35,700.00 (YSHHB, t.th.c:18).

Pada tahun 1996 pula, bantuan yang sama juga diberikan kepada Pusat Dakwah Islamiah, yang dikategorikan sebagai bantuan kemanusiaan untuk membaik pulih rumah bernilai \$30,000.00. Pada tahun 1998 Masihi, YSHHB menghulurkan bantuan bagi memperbaiki dua buah rumah saudara-saudara baru di Tutong. Sepanjang tahun 2007 hingga tahun 2011 Masihi, YSHHB telah mengurniakan sumbangan kepada 19 buah keluarga saudara baru dan 10 keluarga miskin di seluruh negara bagi membaik pulih tempat kediaman mereka

(YSHHB, t.th.c:61; dan Omarali, 2011:53 dan 102).

Skim ini boleh dikatakan sebagai projek dakwah yang menggambarkan Islam adalah ugama rahmat, kerana mengambil berat kebajikan mereka yang kurang bernasib baik, daif, dan kurang berkemampuan. Di samping itu, beberapa orang saudara-saudara baru juga diberikan bantuan modal oleh pihak YSHHB bagi memulakan perusahaan dan bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Dengan cara ini, mereka secara perlahan-lahan boleh melepaskan diri dari belenggu kemiskinan dan beralih kepada orang berkeyakinan dan boleh berdikari. Bantuan dihulurkan dalam bentuk kewangan dan peralatan bagi memulakan perusahaan berdasarkan kebolehan dan minat masing-masing (YSHHB, t.th.d:190).<sup>9</sup>

Dengan adanya pemedulian seperti ini, tidak sahaja Islam dapat disebarkan kepada masyarakat bukan Islam, tetapi juga akidah dan keimanan saudara-saudara baru dapat dipelihara dan dikukuhkan agar mereka tidak mudah kembali kepada kepercayaan asal mereka (Melayong, 2007; Mail, 2015; dan Kaseh, 2016).

*Ketiga*, Perumahan Orang Kurang Berkemampuan. Selain projek rumah bantuan untuk saudara-saudara baru, YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah) juga menyediakan projek bantuan perumahan kepada penduduk yang kurang berkemampuan. Ia dilakukan

---

<sup>9</sup>Lihat pula, contohnya, "Seorang Lagi Saudara Baru Menerima Anak Kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah" dalam *Wadah Pemedulian Rakyat: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*, pada 28 April 2014. Wujud secara online pula di: <https://www.yshhb.org.bn/255-seorang-lagi-saudara-baru-menerima-anak-kunci-rumah-bantuan-skim-perumahan-yayasan-sultan-haji-hassanal-bolkiah> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 27 Disember 2017].

**Tabel 3:**  
Perangkaan Bantuan Perumahan Dibawah Skim Perumahan YSHHB

Tahun	Daerah				Jumlah Rumah
	Brunei Muara	Tutong	Belait	Temburong	
1997	4	6	0	0	10
1998	6	0	0	1	7
1999	1	2	0	0	3
2000	7	1	0	1	9
2001	1	3	0	0	4
2002	0	0	1	0	1
2003	1	0	3	0	4
2004	1	5	1	0	7
2005	3	3	0	0	6
2006	2	0	0	0	2
2007	1	0	0	0	1
2008	0	0	2	0	2
2009	1	0	0	0	1
2010	2	1	0	0	3
2011	1	0	1	0	2
2012	2	0	0	0	2
<b>Jumlah</b>	<b>31</b>	<b>25</b>	<b>6</b>	<b>2</b>	<b>64</b>

*Sumber:* YSHHB (t.th.e).

dalam dua bentuk. Pertama pada tahun 1997 Masihi, dilakukan secara persendirian oleh YSHHB di bawah Skim Perumahan Yayasan. Kemudian dalam bentuk kedua dilakukan secara kerjasama dengan agensi lain, yang bermula pada tahun 2008 Masihi. Projek ini juga dikenali sebagai projek perumahan bersepadu.<sup>10</sup>

Skim Perumahan YSHHB diwujudkan dengan tujuan menyediakan tempat berteduh dan kediaman yang sempurna kepada rakyat KDYMM, yang kurang bernasib baik serta tidak berkemampuan untuk mendirikan rumah sendiri. Dalam pada itu, rumah yang ada sudah kurang selamat untuk dihuni (YSHHB,

t.th.a:84). Matlamat ini tidak banyak bezanya dengan projek perumahan sebelumnya. Dengan adanya skim ini, penduduk yang kurang bernasib baik dapat tinggal di rumah yang lebih selesa, bersih, dan selamat untuk ditinggali. Ini memang selaras dengan misi YSHHB bagi membantu meringankan beban penduduk yang memerlukan bantuan serta tidak mampu untuk membina rumah sendiri. Semua ini dilakukan dengan maksud untuk mewujudkan kehidupan masyarakat yang aman, damai, dan penuh harmoni (YSHHB, t.th.a; dan Durahman, 2009). Perangkaan bantuan perumahan dibawah Skim Perumahan YSHHB bagi mereka yang tidak berkemampuan boleh dilihat dalam tabel 3.

Dari perangkaan dalam tabel 3 jelas bahawa keempat-empat buah daerah di negara Brunei Darussalam menerima bantuan ini. Malahan setiap tahun, mulai

<sup>10</sup>Lihat "Penyerahan Rumah Bantuan Bersepadu" dalam *Wadah Pemedulian Rakyat: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkia*, pada 28 Januari 2018. Wujud secara online pula di: <https://www.yshhb.org.bn/384-penyerahan-rumah-bantuan-secara-bersepadu-2> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2 March 2018].

**Tabel 4:**  
Projek Perumahan Bersepadu

Tahun	Penerima	Alamat	Agensi yang Memberikan Bantuan
2008	-	Kampung Selayun	YSHHB, MUIB, dan JAPEM.
	3 Buah Keluarga	Kampung Kasat	YSHHB, MUIB, JAPEM, Jabatan Daerah, dan Syarikat-syarikat Swasta.
	-	Kampung Junjongan	YSHHB, MUIB, JAPEM, dan Jabatan Daerah.
	-	Kampung Bukit Merikan	YSHHB, MUIB, JAPEM, Jabatan Daerah, dan Syarikat-syarikat Swasta.
2009	3 Buah Keluarga	Kampung Limau Manis	YSHHB, MUIB, JAPEM, dan Jabatan Daerah.
	-	Kampung Bakut Siraja Muda	YSHHB, MUIB, JAPEM, Jabatan Daerah, dan Syarikat-syarikat Swasta.
	-	Kampung Lumapas B	YSHHB, MUIB, JAPEM, dan Jabatan Daerah.
	-	Kampung Junjongan	YSHHB, MUIB, JAPEM, dan Jabatan Daerah.
2010	5 Buah Keluarga	Kampung Jerudong	YSHHB, MUIB, JAPEM, dan Jabatan Daerah.
	-	Kampung Senukoh	YSHHB dan JAPEM.
	-	Kampung Setia A	YSHHB, JAPEM, dan Syarikat Swasta.
	-	Kampung Peramu	YSHHB, MUIB, dan JAPEM.
	-	Kampung Sungai Akar	YSHHB, MUIB, dan JAPEM.
2011	5 Buah Keluarga	Kampung Limau Manis	YSHHB, MUIB, JAPEM, dan Jabatan Daerah.
	-	Kampung Sungai Hancing	YSHHB, MUIB, dan JAPEM.
	-	Kampung Lumapas	YSHHB, MUIB, dan JAPEM.

*Sumber:* YSHHB (t.th.e).

1997, memang ada saja yang menerima bantuan. Di antara keempat-empat buah daerah tersebut, daerah Brunei Muara paling ramai menerima bantuan. Ini kerana penduduk yang paling ramai adalah di daerah berkenaan, jadi kadar mereka yang kurang berkemampuan untuk membina rumah lebih tinggi berbanding daerah-daerah yang lain. Setiap sebuah rumah dilengkapi dengan tiga buah bilik tidur, satu tandas/bilik mandi, satu ruang tamu, dan satu dapur (YSHHB, t.th.e).

Proses bagi mendapatkan bantuan perumahan ini, pemohon hendaklah menulis surat permohonan serta mengisi borang yang disediakan khas oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Pembangunan Masyarakat, dan YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah) sendiri. Bagi mereka yang tidak mempunyai rumah, atau hanya menumpang di rumah saudara atau orang lain, mereka juga

berpeluang untuk mendapat perumahan YSHHB. Bagaimanapun, penyiasatan akan dilakukan terlebih dahulu bagi membuktikan pemohon memang benar-benar berkelayakan. Dalam hubungan lokasi rumah yang dikurniakan, jika pemohon tidak mempunyai tanah, lokasinya tertakluk kepada yang diberikan oleh Jabatan Tanah. Manakala jika mempunyai tanah, akan dibuatkan rumah tersebut di atas tapak berkenaan, dengan syarat tanah itu memang boleh dimajukan.<sup>11</sup>

Selaras dengan pendekatan rangkaian strategik YSHHB untuk meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta, serta badan-badan bukan kerajaan yang lain, maka dalam memastikan

<sup>11</sup>Temu bual bersama Awang Sulaiman bin Haji Ahmad, Penolong Pegawai Kebajikan YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah), pada 8 Mei 2013. Temu bual dilakukan oleh Pembantu Penyelidik dan diadakan di ibu pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

kerja-kerja kemasyarakatan, khasnya pengurusan dan penyaluran bantuan kebajikan, dapat dilaksanakan dengan berkesan, di samping melahirkan semangat bekerjasama dan kolektif di antara semua pihak yang terlibat. Dengan itu, diwujudkan projek bantuan perumahan secara bersepadu mulai tahun 2008, seperti dijelaskan sebelum ini, menerusi kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan lain, seperti: MUIB (Majlis Ugama Islam Brunei); JAPEM (Jabatan Pembangunan Masyarakat); Jabatan Daerah melalui Tabung Amal Jabatan; ABDB (Angkatan Bersenjata Diraja Brunei) melalui Projek Titian Amal ABDB; dan beberapa syarikat swasta (YSHHB, t.th.c:62). Keterangan mengenai bantuan yang dilaksanakan melalui Projek Perumahan Bersepadu ini boleh dilihat melalui tabel 4.

Pada tahun 2008 Masihi, tiga buah keluarga di Kampong Selayun, Kampong Kasat, dan Kampong Junjongan telah diberikan sumbangan projek perumahan. Jumlah yang sama diberikan pada tahun 2009 Masihi, iaitu di Kampong Bukit Merikan, Kampong Limau Manis, dan Kampong Bakut Siraja Muda. Menjelang tahun 2010 dan 2011 Masihi, jumlah bantuan yang diberikan meningkat kepada lima buah keluarga pada setiap tahun. Berdasarkan kepada data di atas, bantuan yang diberikan tidak kira keluarga yang tinggal, sama ada di kawasan Kampong Ayer atau di darat, asalkan mereka memenuhi syarat untuk diberikan bantuan.<sup>12</sup>

<sup>12</sup>Temu bual bersama Ak Zaimuddin bin Pg Ayub dan Siti Nurul Haslinda bin Mohd Yassin, pembantu penyelidik, bersama Kasyfil Aziz Jumat, Penolong Pegawai Perhubungan Awam YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah), pada 8 Mei 2013. Temu bual diadakan di ibu pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagaimanapun, tidak semua Projek Bersepadu ini dilaksanakan oleh kesemua agensi-agensi berkenaan untuk setiap keluarga yang memerlukannya. Adakalanya, hanya pihak YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah), JAPEM (Jabatan Pembangunan Masyarakat), dan MUIB (Majlis Ugama Islam Brunei) sahaja yang memberikan sumbangan, atau YSHHB dan JAPEM sahaja, dan lain-lain. Ini mungkin mengikut keperluan agensi-agensi tersebut untuk memberikan bantuan. Jumlah bantuan yang diberikan bagi setiap agensi juga tidak dapat ditentukan, mungkin mengikut kesesuaian kadar peruntukan masing-masing (YSHHB, t.th.c; Durahman, 2009; dan *The Brunei Times*, 5/10/2012).

***Hubungannya dengan MIB (Melayu Islam Beraja).*** Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu dengan sistem pemerintahan cara Melayu berlandaskan Islam di bawah kepemimpinan seorang Sultan. Istilah “Melayu” dalam konteks konsep MIB dapatlah ditakrifkan bahawa negara Brunei Darussalam adalah negara Melayu yang mengamalkan nilai-nilai tradisi atau kebudayaan Melayu yang mengarah kepada nilai-nilai luhur dan mulia. Salah satu ciri yang dimiliki dalam budaya bangsa Melayu Brunei ialah bantu-membantu atau memucang-mucang. Sifat tolong-menolong telah mewarnai cara hidup Melayu Brunei (Nazir, 1989:12; al-Sufri, 2007; dan Bakar, 2015). Budaya tolong-menolong inilah yang menjadi identiti kepada bangsa Melayu di negara Brunei Darussalam. Sementara itu, sikap bantu-membantu pula memang terkandung dalam ajaran Islam (Nazir, 1989; Ibrahim, 2000; dan al-Sufri, 2007).

Sistem beraja di negara Brunei Darussalam sudah dipraktikkan sejak berabad-abad, jika mengambil kira kemasukkan Islam Awang Alak Betatar pada abad ke-14; maknanya negara kita sudah menjadi negara diperintah oleh umat Islam dalam masa enam abad. Sultan sebagai kuasa tertinggi mempunyai kuasa penuh dalam hal-ehwal negara dan memimpin rakyat dengan adil, bijaksana, berpandangan jauh ke depan, bermusyawarah, dan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan rakyat dan kemakmuran negara. Sultan merupakan teras atau tunggak negara, dan di bawahnya rakyat hidup berlandung dan bernaung. Sebagai ketua negara, Sultan sentiasa menyerlahkan sifat-sifat kasih sayang kepada rakyat dengan mengadakan berbagai- bagai usaha kebajikan, seperti menyediakan perumahan (Nazir, 1989; Ibrahim, 2000; al-Sufri, 2007:71; dan Bakar, 2015).

Dalam menghubungkan bantuan perumahan yang diusahakan oleh YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah) dengan konsep MIB (Melayu Islam Beraja), ternyata bantuan ini memang selaras dengan ajaran Islam, yang telah diusahakan oleh seorang Sultan yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Peranan Sultan dalam memenuhi keperluan dan kebajikan rakyat dari segi bantuan perumahan adalah sejajar dengan kehendak Islam. Agama yang suci ini memang menggalakan umatnya yang berkemampuan dari segi ekonomi dan material untuk menghulurkan bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik dan tidak berkemampuan. Ini lebih-lebih lagi kepada mereka yang ditimpa musibah (Ibrahim, 2000; Kayo, 2005; dan Ghofur, 2015).

Sebab itulah, salah satu daripada Rukun Islam ialah mengeluarkan zakat bagi mereka yang berkemampuan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Islam telah melihat bahawa institusi zakat ini satu perkara yang penting dalam memberikan keseimbangan hidup bermasyarakat dan bernegara. Lantaran itu, ia termasuk ke dalam perkara yang wajib dilaksanakan ke atas umat Islam. Maknanya, Islam mengambil berat terhadap golongan yang kurang bernasib baik. Hal ini ternyata telah diamalkan oleh KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) menerusi YSHHB (*cf* Qaradhawi, 2005; Durahman, 2009:6; dan Hasan, 2011).

Selain itu, Islam juga menggalakan umatnya untuk membantu saudara sebangsa dan seagama, sebagaimana rancangan bantuan perumahan kepada saudara-saudara baru. Mereka ini perlu dibantu dan ditolong agar iman mereka terhadap Islam akan sentiasa teguh dan kukuh. Menurut ajaran Islam, seorang Sultan mempunyai kewajipan untuk menjaga kebajikan rakyat. Islam menggalakan pemerintah untuk membantu rakyatnya, terutama yang beragama Islam. Dalam hal ini, ternyata Islam menitikberatkan konsep kebajikan. Oleh itu, ianya memang selaras dengan konsep MIB (Nazir, 1989; Ibrahim, 2000; al-Sufri, 2007:71; dan Bakar, 2015). Sebagaimana Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) berfirman dalam *Al-Qur'an*, surah *Al-Maidah*, ayat 2, yang bermaksud seperti berikut:

*Bantu-membantulah kamu di dalam hal kebajikan dan ketaqwaan, dan janganlah kamu bantu-membantu di dalam hal maksiat dan permusuhan (dalam Yunus, 1973:144).*



## KESIMPULAN <sup>13</sup>

Bantuan perumahan yang disediakan oleh YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah) dalam bentuk perkampungan dan bersendirian memperlihatkan keprihatinan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) terhadap kebajikan rakyatnya, terutama golongan yang kurang bernasib baik, daif, kurang berkemampuan, dan ditimpa bencana. Meskipun sumbangan ini memakan biaya yang besar, namun memang bertepatan dengan ajaran agama Islam. Hal ini juga sekaligus menggambarkan bahawa Islam adalah agama yang menitikberatkan dan menjaga hal ehwal kebajikan umatnya. Oleh itu, langkah menyediakan bantuan perumahan memang mempunyai hubungan dengan konsep MIB (Melayu Islam Beraja), kerana gabungan tiga komponen dalam konsep itu terdapat dalam rancangan tersebut.

Dari segi Raja boleh dilihat apabila KDYMM sendiri sebagai Ketua Negara

Brunei Darussalam terlibat dalam mengambil berat dan menjaga kebajikan rakyat. Dalam masa yang sama, baginda adalah seorang yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Manakala itu, yang dibantu adalah rakyat baginda yang majoritinya masyarakat Islam berbangsa Melayu. Dengan adanya sifat dermawan baginda, sudah tentu, Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) memberi ganjaran pahala yang besar dan mendapat rahmat di Hari Keadilan kepada KDYMM, seperti mana Sabda Rasulullah Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*) dalam satu *Al-Hadist*, yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, dimana Baginda bersabda seperti berikut:

*Barangsiapa yang melepaskan seorang Mukmin daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan dunia, nescaya Allah akan melepaskannya daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan Qiamat. Barangsiapa yang mempermudah bagi orang susah, nescaya Allah akan mempermudah baginya di dunia dan di akhirat* (dalam Jawas, 2013).

Begitu juga rakyat mendapat nikmat dan rahmat dalam memiliki rumah sendiri yang tagap, teratur, dan selesa sebagai tempat berlindung dan berteduh. Ia telah memberikan kehidupan lebih baik dan cerah di masa depan yang boleh dinikmati secara turun-temurun, kerana ia dibangunkan dalam keadaan yang teguh dan kukuh. Dengan yang demikian, boleh mengeratkan perpaduan antara raja dan rakyat yang dapat melahirkan suasana yang lebih harmoni dan aman kepada raja, agama, bangsa, dan negara.

Hal ini mempamerkan betapa banyaknya kebaikan yang terdapat dalam konsep MIB (Melayu Islam Beraja), yang ditonjolkan melalui rancangan bantuan perumahan kepada rakyat

<sup>13</sup>*Rakaman Terima Kasih*: Artikel ini, sebelum dikemaskini dalam bentuknya sekarang, pernah diterbitkan sebagai bagian bab dalam buku *Pensejarahan Brunei: Islam dan Evolusi Sosial* (Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2017). Saya merakamkan sebanyak terima kasih kepada penerbit Pusat Sejarah Brunei, yang telah membagi kebenaran dan laluan supaya artikel ini boleh diterbitkan semula dalam sebuah jurnal akademik. Dalam pada itu, saya merasa terhutang budi kepada dua pembantu penyelidik saya, iaitu Awangku Zaimuddin bin Pengiran Ayub dan Nurul Haslinda binti Mohd Yassin, kerana banyak membantu menyiapkan artikel ini. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada mereka berdua. Saya juga merakamkan sebanyak terima kasih kepada Andi Suwirta, M.Hum., Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Sejarah FPIPS UPI (Fakulti Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung, yang telah mengedit-semak dan mengkemas kini artikel ini, khasnya dalam memutakhirkan senarai rujukan dalam Referensi. Mudahahan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) memberikan ganjaran pahala yang besar kepada mereka, di atas jasa yang telah ditabur itu. Walau bagaimanapun, semua kandungan dan pentafsiran dalam artikel ini tidak ada kena-mengena dengan mereka atau sesiapa jua; justeru, ianya menjadi tanggung jawab akademik saya secara persendirian.

yang memerlukan. Kebaikan seperti ini mengukuhkan lagi kedudukan konsep MIB di negara Brunei Darussalam. Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd Taha, salah seorang pembesar Brunei yang penting dan berpengaruh, pernah menzahirkan pendapat beliau bahawa YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah) diwujudkan adalah atas tiga dasar utama, iaitu menjadi wadah amal jariah KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan ahli keluarga baginda. Ia sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, yang sentiasa taat setia kepada baginda dan kerajaan baginda.

YSHHB juga menjadi simbol pembentukan dan perpaduan masyarakat negara Brunei Darussalam. Tegasnya, dasar ini berakar umbi dari rasa keimanan, amal, dan ihsan. Iman itu wadah, amal itu pemedulian, dan ihsan itu pembentukan masyarakat dan keharmonian. Apa yang jelasnya dari pandangan ini, kemunculan YSHHB memang mempunyai keselarasan dan kaitan dalam konsep MIB, yang telah diisytiharkan oleh KDYMM semasa pencapaian kemerdekaan negara Brunei Darussalam pada tahun 1984.<sup>14</sup>

<sup>14</sup>**Kenyataan:** Saya, dengan ini, membuat kenyataan sebenar bahawa artikel ini adalah dapatan pemikiran dan kajian saya secara persendirian, ianya bukan hasil plagiat, memandangkan semua sumber rujukan yang saya petik dalam analisis dan perbincangan adalah wujud secara penuh dan betul dalam senarai Referensi. Saya juga menyatakan bahawa artikel ini belum pernah dihantar, diwasit, dan diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik yang lain, samada di Brunei Darussalam mahupun di luar negara.

## Referensi

- Abdullah, Muhammad Hadi. (1993). "Sultan Omar Ali Saifuddien III: Peranan dan Sumbangannya dalam Perkembangan Politik Brunei, 1945-1967". *Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan*. Bangi: Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Al-Hadaf* [majalah], Bilangan 4, Tahun 6. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, isu Oktober-Disember 2002.
- al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Mohd Jamil. (2007). *Brunei Darussalam: Negara Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Bakar, Haji Timbang. (1996). "Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Lambang Kebajikan dan Pemedulian" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 28 Ogos, ms.2.
- Bakar, Tasim bin Haji Abu. (2015). *Projeksi Melayu Islam Beraja dalam Media Massa*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] Brunei. (2003). *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Don, Othman Haji Mat. (1990). "Pentadbiran Brunei Darussalam: Suatu Tinjauan Ringkas" dalam *Pustaka*, Bilangan 8.
- Durahman, Awangku Jefferi Pengiran. (2009). "Majlis Kesyukuran YSHHB: Sempena Penubuhan ke-17 Tahun" dalam *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 14 Oktober.
- Duraman, Haji Sulaiman bin Haji. (2009). "Dasar Kebajikan Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien III, Tahun 1950-1967". *Kajian Felo* dalam Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Finnegan, Ruth. (1977). *Oral Poetry: Its Nature, Significance, and Social Context*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ghofur, Abd. (2015). "Islam dan Politik di Brunei Darussalam: Suatu Tinjauan Sosio-Historis" dalam *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Bergama*, Vol.7, No.1 [Januari-Juni]. Wujud secara online pula di: <https://media.neliti.com/media/publications/40376-ID-islam-dan-politik-di-brunei-darussalam> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10 Disember 2017].
- Hasan, Muhammad. (2011). *Manajemen Zakat: Model Pengelolaan yang Efektif*. Yogyakarta, Indonesia: Idea Press.
- Hassan, Rozeman Abu. (2004). *Mengenal dan Mentafsir Sumber Sejarah*. Shah Alam: Karisma Publications, Sdn. Bhd.
- Herawati, Yudianti *et al.* [eds]. (2013). *Cerita Rakyat*

- Paser dan Berau*. Kalimantan Timur: Kantor Bahasa Provinsi Kalimantan Timur. Wujud secara online pula di: <http://repositori.kemdikbud.go.id/2461/1/Cerita%20Rakyat> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 14 Desember 2017].
- <http://www.vshhb.org.bn/berita/berita82.html> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10 Desember 2017].
- Ibrahim, Awang Yahya bin Haji. (2000). *Sejarah dan Peranan Institusi-institusi Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah.
- Iskandar, Teuku [ed]. (1984). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, Dy Hajah Rosidah Haji et al. [eds]. (2015). *Brunei Merdeka: Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan ke-30 pada 23 Februari 2014*. Bandar Seri Begawan: Unit Penerbitan Melayu, Bahagian Penerbitan dan Pameran, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam. Wujud secara online juga di: <http://www.information.gov.bn/PublishingImages/SitePages/Malay%20Publication/Brunei> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10 Desember 2017].
- Jawas, Al-Ustadz Yazid bin Abdul Qadir. (2013). "Wasiat Rasulullah SAW kepada Abu Dzar al-Ghifari" dalam *Al-Manhaj.or.id: Berjalan di Atas Manhaj as-Salafus Shalih*, pada 11 Februari. Wujud secara online pula di: <https://almanhaj.or.id/3517-wasiat-rasulullah-shallallahu-alaihi-wa-sallam-kepada-abu-dzar-al-ghifari.html> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2 Mac 2018].
- Kamis, Abdul Malik & Thirunaukarasu Subramaniam. (2016). "Sejarah Ekonomi Negara Brunei Darussalam" dalam *JATI*, Volume 21 [Disember].
- Kaseh, Noor Hira binti Haji Noor. (2013). "Keharmonisan Asas Pembangunan Ummah di Negara Brunei Darussalam". *Makalah* disampaikan pada Mesyuarat Pegawai Pegawai Kanan (SOM) ke-38 pada 28-30 Oktober.
- Kaseh, Noor Hira binti Haji Noor. (2016). *Raja Berdaulat Negara Berkat*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.
- Kayo, Pahlawan Katib. (2005). *Kepemimpinan Islam dan Dakwah*. Jakarta: Sinar Grafita Offset.
- Mail, Haji Awg Asbol bin Haji. (2008). "Institusi Wazir, Ceteria dan Menteri pada Abad ke-19: Struktur dan Kuasa Elite dalam Pentadbiran di Kesultanan Melayu Brunei" dalam *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol.1, No.1, ms.79-114.
- Mail, Haji Awg Asbol bin Haji. (2015). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam: Perubahan dan Masalah" dalam *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, Volume 1, pada November 5-7. Wujud secara online juga di: <https://ejournal.unri.ac.id/index.php/ISRE/article/view/3026/2956> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10 Disember 2017].
- Media Permata* [akhbar]. Bandar Seri Begawan: 11 Januari 2011.
- Melayong, Muhammad Hadi bin Muhammad. (2007). *Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah: Penegak Warisan Bangsa Melayu*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Nazir, Haji Moehammad. (1989). *MIB sebagai Cara Hidup Kebruneian*. Bandar Seri Begawan: Penerbit UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Noor, Arba'iyah Mohd. (2002). *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor, Awang Haji Hashim bin Haji Mohd. (2008). "Sistem Pentadbiran Traditional Brunei KM XIX: Pengaruh Struktur Masyarakatnya" dalam *Jurnal Darussalam*, Bilangan 8.
- Nordin, Mardiana. (2015). "Penyelidikan Sejarah, Sumber-sumber Sejarah, dan Bidang-bidang didalam Kajian Sejarah". *Kertas Kerja* dalam Seminar Kaedah dan Penulisan Sejarah. Wujud secara online pula di: [https://www.um.edu.my/docs/librariesprovider4/history\\_dept/scholarly\\_articles/mardiana-seminar-kaedah-dan-penulisan-sejarah-2015.pdf](https://www.um.edu.my/docs/librariesprovider4/history_dept/scholarly_articles/mardiana-seminar-kaedah-dan-penulisan-sejarah-2015.pdf) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10 Disember 2017].
- Omarali, Noralijah binti Damong Haji. (2011). "Rancangan Perpindahan Negara Brunei Darussalam, 1967-1999: Tumpuan Kajian di Daerah Brunei dan Muara" dalam *Modul Latihan Penyelidikan Sarjana Sastera dalam Bidang Sejarah*. Bandar Seri Begawan: Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Othman, Sabihah, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Haji Haki. (1995). *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- "Penyerahan Rumah Bantuan Bersepadu" dalam *Wadah Pemedulian Rakyat: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*, pada 28 Januari 2018. Wujud secara online pula di: <https://www.yshhb.org.bn/384-penyerahan-rumah-bantuan-secara-bersepadu-2> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 2 March 2018].
- Qaradhawi, Yusuf. (2005). *Spektrum Zakat dalam Membangun Ekonomi Kerakyatan*. Jakarta: Zikrul Hakim, Terjemahan.
- Roberts, Christopher & Lee Poh Onn. (2009). "Brunei Darussalam: Cautious on Political Reform, Comfortable in ASEAN, Pushing for Economic Diversification" in *Southeast Asian Affairs*.
- "Seorang Lagi Saudara Baru Menerima Anak Kunci Rumah Bantuan Skim Perumahan Yayasan Sultan

- Haji Hassanal Bolkiah” dalam *Wadah Pemedulian Rakyat: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*, pada 28 April 2014. Wujud secara online pula di: <https://www.yshhb.org.bn/255-seorang-lagi-saudara-baru-menerima-anak-kunci-rumah-bantuan-skim-perumahan-yayasan-sultan-haji-hassanal-bolkiah> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 27 Disember 2017].
- “Sultan Brunei Kunjungi Aceh” dalam *Detik News*. Medan: 1 Februari 2005. Wujud secara online pula di: <https://news.detik.com/berita/282972/sultan-brunei-kunjungi-aceh> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 14 Disember 2017].
- Sunusi, Dzulkarnain M. (2013). “Bagaimana Kriteria Disebut Anak Yatim?” dalam *Jurnal Salafiyun: Berbagi Ilmu Menebar Sunnah*. Wujud secara online juga di: <https://fadhlihsan.wordpress.com/2013/08/08/ketentuan-penamaan-anak-yatim/> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10 Disember 2017].
- Sjamsuddin, Helius. (2007). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Temu bual bersama Awang Sulaiman bin Haji Ahmad, Penolong Pegawai Kebajikan YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah), pada 8 Mei 2013. Temu bual dilakukan oleh Pembantu Penyelidik dan diadakan di ibu pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Temu bual bersama Ak Zaimuddin bin Pg Ayub dan Siti Nurul Haslinda bin Mohd Yassin, pembantu penyelidik, bersama Kasyfil Aziz Jumat, Penolong Pegawai Perhubungan Awam YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah), pada 8 Mei 2013. Temu bual diadakan di ibu pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- The Brunei Times* [akhbar]. Bandar Seri Begawan: 6 March 2009.
- The Brunei Times* [akhbar]. Bandar Seri Begawan: 5 Oktober 2012.
- Tosh, John. (2000). *The Pursuit of History: Aims, Methods, and New Direction in the Study of Modern History*. England: Longman, revised edition.
- Wadah* [majalah], Bilangan 16 [Julai-September 2006], Jilid 9, ms.16.
- Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Newsletter*. Bandar Seri Begawan: August 1996, on Special Issue, ms.17.
- YSHHB [Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah]. (t.th. [tanpa tahun]a). *Laporan Tahunan YSHHB: Tahun 1992-1999*. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- YSHHB [Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah]. (t.th. [tanpa tahun]b). *Rancangan Perumahan YSHHB “A” dan “B”*. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- YSHHB [Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah]. (t.th. [tanpa tahun]c). *Laporan Tahunan YSHHB: Tahun 2007-2011*. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- YSHHB [Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah]. (t.th. [tanpa tahun]d). *Laporan Tahunan YSHHB: Tahun 2002-2006*. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- YSHHB [Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah]. (t.th. [tanpa tahun]e). *Laporan Tahunan YSHHB: Tahun 1992-2012*. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- YSHHB [Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah]. (1996). *Majlis Pembukaan Rasmi Kompleks Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- Yunus, Haji Mahmud. (1973). *Tafsir Quran Karim*. Jakarta: PT Hidakarya Agung.